



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**ISU TABLET PARACETAMOL MENGANDUNGI VIRUS “MACHUPO” YANG
TERSEBAR LUAS DI LAMAN SOSIAL**

Kenyataan ini dikeluarkan susulan daripada penularan mesej di laman sosial berkaitan tablet paracetamol P/500, warna putih berkilat yang dikatakan mengandungi virus ‘Machupo’.

Produk P/500 (Aeknil) tablet berwarna putih yang disebarkan melalui media sosial **tidak berdaftar** dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan adalah berbeza dengan produk Aeknil Tablets yang didaftarkan.

Produk Aeknil Tablet yang berdaftar dengan KKM mengandungi bahan aktif paracetamol 500mg dengan nombor pendaftaran MAL19911249XZ untuk indikasi “*For the relief of mild to moderate pain and reduce fever*”. Tablet yang didaftarkan berwarna biru, berbentuk bulat dengan diameter ½ inci dan mempunyai perkataan aeknil atau therapeutic pada permukaannya.

Untuk makluman, KKM juga tidak menerima sebarang laporan *alert* berkenaan pencemaran paracetamol dari pihak berkuasa negara pengilang atau negara-negara lain setakat ini.

Virus “Machupo” dikelaskan dalam kumpulan virus *Arenavirus* yang boleh menyebabkan demam berdarah. Buat masa ini, virus berkenaan hanya ditemui di Amerika Selatan. Ia tersebar melalui air kencing atau najis tikus yang telah dijangkiti. Seperti kebanyakan virus yang lain, virus ini tidak boleh hidup dalam persekitaran yang kering seperti tablet paracetamol.

Orang awam dinasihatkan supaya tidak mempercayai berita atau mesej yang belum tentu kesahihannya. Orang ramai diminta untuk memastikan produk yang diguna adalah produk berdaftar di mana ia mempunyai pelekat hologram dan dilabel dengan nombor pendaftaran MAL. Semakan status pendaftaran sesuatu produk boleh dibuat melalui laman sesawang <https://npra.moh.gov.my> atau menghubungi NPRA di talian 03-78835400.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

Produk yang disebarakan melalui laman sosial

